

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KONTENA NASIONAL BERHAD
PULAU PINANG

NOR SAFINAH BT HAYA
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100045027

L1 60 FPE 4 2005



1100045027

Laporan akhir latihan industri di Kontena Nasional Berhad,
Pulau Pinang / Nor Safinah Haya.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045027

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KONTENA NASIONAL BERHAD
PULAU PINANG**

Oleh :

**NOR SAFINAH BT HAYA
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045027

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya, Nor Safinah bt Haya, no matrik UK8289

Mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,

.....


Nama : Nor Safinah bt Haya

Tarikh : 21/11/05

Disahkan Oleh :

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

Selayang Pandang

Segala puji-pujian ke hadrat Ilahi Tuhan Pencipta alam Semesta, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W kaum keluarga dan sahabat baginda.....

Jutaan terima kasih kepada ibu bapa tercinta atas sokongan padu yang diberikan kerana tanpa pengorbanan dan doa kalian tidak dapatku menyiapkan laporan ini dengan jayanya.....

Jutaan terima kasih juga buat semua pekerja Kontena Nasional yang banyak memberi tunjuk ajar dan tanpa jemu memberi penerangan terhadap setiap perkara yang kurang difahami. Segala jasa baik dan kerjasama kalian didahului dengan ucapan terima kasih....

Untuk teman-teman tersayang, terima kasih di atas dorongan yang diberikan....

Akhir kata, yang baik itu dari Allah dan yang buruk itu dari kelemahan saya sendiri.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, beribu kesyukuran dipanjangkan kehadrat llahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat saya menyiapkan dan melengkapkan laporan industri ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga kepada semua yang terlibat dalam memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk saya menyiapkan laporan ini.

Ucapan setinggi penghargaan buat pensyarah saya Puan Marhana iaitu pensyarah dari Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia yang banyak memberi tunjuk ajar profesional dalam menyiapkan laporan ini. Terima kasih kerana sentiasa sudi meluangkan masa dalam memberi penerangan terhadap perkara yang saya kurang jelas mengenainya.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Tuan Haji Shabir Pengurus Kontena Nasional cawangan Pulau Pinang, En. Hafiz selaku penyelia

industri kerana sudi memberi kerjasama dan tunjuk ajar kepada saya.

Tidak dilupakan juga kepada Penolong Pengurus, penyelia, dan staf di setiap jabatan kerana sentiasa memberi dorongan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh saya menjalani latihan di Kontena Nasional. Semoga ia memberi sejuta manfaat kepada kita semua. Dan akhir kata, terima kasih di atas penghargaan yang telah diberikan kepada saya sepanjang berada di KN.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelajar di bawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi diwajibkan menjalani Latihan Industri selama dua belas minggu di mana pelatih telah memilih syarikat Kontena Nasional sebagai tempat untuk menjalankan latihan industri tersebut.

Kontena Nasional merupakan perintis kepada syarikat pengangkutan di Malaysia. Syarikat ini juga merupakan satu-satunya syarikat yang menuju kepada perkhidmatan *total* logistik. Oleh yang demikian, selama dua belas minggu berada di situ pelatih telah diberi tunjuk ajar mengenai proses kerja yang berlaku dan pelatih juga telah diberi tunjuk ajar bagaimana untuk menjadi seorang pekerja yang efisyen dan proaktif serta melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi.

Sepanjang menjalani latihan industri ini, pelatih juga telah didedahkan dengan beberapa pendedahan dalam melaksanakan tugas dengan betul dan cekap. Salah satu pendekatan yang diberikan ialah dengan memberi taklimat mengenai tugas disetiap jabatan-jabatan di mana pelatih ditempatkan. Di Jabatan Pemasaran pelatih telah di beri peluang berjumpa pelanggan-pelanggan Kontena Nasional. Pihak pemasaran telah membawa pelatih berjumpa dengan pelanggan mereka setiap kali mereka membuat temu janji dengan pelanggan. Pelatih juga diberi kepercayaan melaksanakan tugas seperti memasukkan data ke dalam komputer, dan sebagainya. Dari tugas yang diberikan pelatih telah mendapat maklumat dan pengalaman yang bernilai sepanjang tempoh dua belas minggu. Semasa berada di situ, pelatih telah melihat beberapa sistem sedia ada yang dilaksanakan oleh syarikat. Antaranya ialah Jabatan Pengangkutan, Jabatan *Trans Border Unit*, dan Jabatan Pemasaran. Antara sistem yang terlibat ialah sistem penghantaran kontena (*laden*), penghantaran kontena ke Selatan Thailand dan sistem perkhidmatan pelanggan. Pelatih juga mengenalpasti sebarang kekurangan yang wujud dalam sistem yang digunakan.

Pelatih juga memberi beberapa cadangan yang dirasakan sesuai bagi mengatasi masalah yang mungkin dapat membantu organisasi menyelesaikan masalah yang timbul. Diharap cadangan ini dapat meningkatkan lagi corak sistem pengurusan dalam organisasi dan juga supaya pengurusan operasi berjalan lancar bagi mewujudkan sistem pengurusan kerja yang lebih dinamik dan sistematik.